**LAMPIRAN 1**
**CONTOH SENARIO**

| BIL | PERKARA | PERTANYAAN | MAKLUMBALAS MOF |
|---|---|---|---|
| 1. | Tanggungan Kontrak | **Kelewatan menerima Peruntukan**<br><br>Bagi kontrak yang sedang berkuatkuasa (contoh: Pembersihan Pejabat), PTJ tidak dapat mengeluarkan tanggungan kontrak ePerolehan bagi bulan Jan-Mac 2023 kerana peruntukan belum diterima. Peruntukan hanya diterima pada 3 April 2023.<br><br>Senario 1: PTJ telah menerima invois secara manual bagi bulan Jan-Mac 2023<br><br>Senario 2: PTJ belum menerima invois secara manual & online bagi bulan Jan-Mac 2023<br><br>Bolehkah PTJ mengeluarkan tanggungan kontrak ePerolehan (perkhidmatan bulan Jan-Mac 2023) dalam bulan April 2023 memandangkan peruntukan lewat diterima bagi Senario 1 & 2? | Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invois tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal (eGPA) disebabkan tanggungan tidak dilaksanakan bagi perolehan bulan Januari sehingga Mac.<br>(Rujuk surat MOF rujukan MOF.BPK (S) 600-14/28/2 (6) bertarikh 25 November 2022). |
| 2. | Tanggungan Kontrak | **Peruntukan terima selepas kontrak tamat.**<br><br>Ini menyebabkan tanggungan kontrak tidak dapat dibuat dalam tempoh kuatkuasa kontrak. Kontrak tamat pada 31 Mei 2023. Peruntukan baru diterima pada 10 Julai 2023 telah menyebabkan bayaran tidak dapat di proses. | PTJ perlu mengemukakan permohonan melalui eGPA |
| 3. | Pesanan Kerajaan | Pegawai proses terlepas pandang / bercuti untuk mengeluarkan Pesanan Kerajaan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diberikan | Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invois tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal (eGPA) disebabkan PK tidak dikeluarkan mengikut tempoh ditetapkan |
| 4. | Pesanan Kerajaan | Pesanan Kerajaan telah dicipta dan diserah kepada pihak Pembekal. Namun, disebabkan tiada pengesahan dibuat oleh Pembekal dalam masa 14 hari menyebabkan Pesanan Kerajaan tersebut terbatal oleh sistem. | Sekiranya bekalan / perkhidmatan telah disempurnakan oleh pembekal, PTJ perlu mengemukakan permohonan melalui eGPA |

| BIL | PERKARA | PERTANYAAN | MAKLUMBALAS MOF |
|---|---|---|---|
| 6. | Pelarasan amaun selepas Pesanan Kerajaan bagi Pembelian Terus (PO) / Tanggungan Kontrak (CO) telah selesai proses pembayaran | **Amaun terkurang bayar setelah pembayaran eP sempurna**<br><br>Senario 1 : Pesanan kerajaan bagi Pembelian Terus (PO).<br>PTJ mengeluarkan Pesanan Kerajaan eP RM1,000 bagi perkhidmatan katering. Pembekal tersilap kunci masuk invois eP amaun RM10 dan PTJ telah menyempurnakan pembayaran RM10 tersebut. Syarikat telah menuntut pembayaran bagi RM990 yang telah terkurang bayar.<br><br>Adakah PTJ dibenarkan untuk terus membuat bayaran bagi baki yang terkurang bayar tersebut menggunakan Invois tanpa PT tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal? | Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invois tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal (eGPA) disebabkan bayaran telah disempurnakan di dalam sistem eP. Agensi adalah diingatkan supaya melaksanakan proses semakan yang lebih teliti bagi mengelakkan berlaku sebarang kesilapan |
| | | Senario 2 : Tanggungan Kontrak bermasa (CO).<br><br>PTJ mengeluarkan Tanggungan Kontrak (CO) bermasa bagi Perkhidmatan Katering berjumlah RM2,000. Pembekal tersilap kunci masuk amaun pada invois eP berjumlah RM200. PTJ telah menyempurnakan bayaran tersebut. Syarikat telah mengemukakan invois manual bagi baki bayaran yang terkurang bayar kepada PTJ berjumlah RM1,800.00. | Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invois tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal (eGPA) disebabkan bayaran telah disempurnakan di dalam sistem eP. Agensi adalah diingatkan supaya melaksanakan proses semakan yang lebih teliti bagi mengelakkan berlaku sebarang kesilapan |

Rujukan:

a. Surat Kementerian Kewangan (MOF.BPK (S) 600-14/28/2 (6)) bertarikh 25 November 2022
b. Minit Mesyuarat Pengecualian Inden Kerja dan Pertanyaan Mengenai Pengecualian ePerolehan Melalui eGPA bertarikh 13 Oktober 2022
c. E-mel daripada BPOPP (BPOPP/SPO (Emel)/2023 (184)) bertarikh 20 Jun 2023